



#### Ahmad Zharif Penerima Pingat Emas Pusat ASPer UPM



Prof. Datin Paduka Dr. Aini Ideris menyampaikan pingat kepada Ahmad Zharif pada majlis Penyampaian Sijil Asasi Sains Pertanian UPM.

**SERDANG, 23 Jan** – Ahmad Zharif Arbi dipilih sebagai penerima Pingat Emas Pusat Asasi Pertanian (ASPER), Universiti Putra Malaysia (UPM) pada majlis Penyampaian Sijil Asasi Sains Pertanian, di sini bagi sesi 2007/2008 baru-baru ini.

Kejayaan beliau kerana memperoleh keputusan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) 3.85 iaitu pelajar terbaik ASPER.

"Saya akan memberi tumpuan dalam penyelidikan berkaitan pertanian untuk mencapai cita-cita menjadi saintis pertanian terkemuka kelak," katanya.

Selain Ahmad Zharif, Chitra Ratna Ee Kong dipilih sebagai penerima Hadiah Anugerah Pelajaran ASPer dengan mendapat PNGK 4.0.

Timbalan Naib Canselor ( Akademik dan Antarabangsa), Prof. Datin Paduka Dr. Aini Ideris yang menyampaikan sijil anugerah berkata program Asasi Sains Pertanian merupakan satu-satunya program asasi sains pertanian di Malaysia.

"Program ASPER melatih pelajar sebagai persediaan sebelum mengikuti program bachelor dalam bidang pertanian dan agro-bio bagi menyumbang keperluan tenaga profesional dan sumber tenaga sektor pertanian dan perladangan," katanya ketika merasmikan majlis tersebut.

Seramai 114 pelajar dianugerahkan Sijil Asasi Sains Pertanian dengan 59 pelajar menerima Sijil Kepujian Pengarah.

ASPER ditubuhkan pada tahun 2005 berusia empat tahun telah melahirkan pelajar cemerlang peringkat ijazah dalam bidang pertanian dan agro-bio di UPM.

**Disediakan oleh Seksyen Media dan Publisiti, Bahagian Komunikasi Korporat, UPM.**